# KAJIAN PROGRAM TAKMIR : PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN DI MASJID, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA

**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**KAMPUS ALOR GAJAH**
**MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**AFFENDI BIN ISMAIL**
**DR. HJ. HASAN BAHROM**
**NORAZIZAH BAHAROM**
**NORAIN ISHAK**

**DISEMBER**
**2001**

Universiti Teknologi MARA

PEJABAT PROVOS
UiTM Kampus Alor Gajah
Km 26, Jalan Lendu
73000 Alor Gajah
Melaka

Surat Kami : 500-CM(PT 25/2/2)
Tarikh : 16hb. Ogos, 2000

**Encik Effendi Ismail**
**Pensyarah**
**Pusat Pengajian Islam**
**UiTM Kampus Alor Gajah**

Tuan,

**CADANGAN PENYELIDIKAN:**
**PROGRAM TAKMIR: PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN DI MASJID-MASJID DAERAH ALOR GAJAH**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Ad-Hoc Penyelidikan yang bermesyuarat pada 21hb. Ogos, 2000 telah bersetuju untuk meluluskan cadangan penyelidikan tuan seperti berikut:

i. Meluluskan cadangan projek penyelidikan yang dikemukakan oleh puan bersama Tuan Hj. Hasan Bahrom, Puan Noraini Ishak dan Puan Nor Azizah Baharom.

ii. Peruntukan yang diluluskan ialah sebanyak RM4,500.00 sahaja.

iii. Penyelidikan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 11 bulan dari 1hb. September, 2000 sehingga 31hb. Julai, 2001.

Kumpulan penyelidik adalah dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan kepada Koordinator, Unit Penyelidikan dan Perundingan (UPP) pada setiap bulan.

Bersama ini dilampirkan surat perjanjian projek penyelidikan untuk ditandatangani oleh pihak penyelidik. Sila kembalikan borang perjanjian ini kepada Koordinator Unit Penyelidikan dan Perundingan (UPP), UiTM Kampus Alor Gajah untuk tindakan selanjutnya. Pihak tuan juga adalah dinasihatkan untuk mematuhi peruntukan di dalam perjanjian ini.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**PROF. DR. HJ. MD. TAHIR HJ. A. HAMID**
Provos

Tel : 06-5591001
Faks : 06-5563963

DISEMBER 2001

Tarikh : 5hb Disember 2001

No Fail Projek :

**Ketua**
Biro Penyelidikan dan Perundingan [ BRC ]
UiTM, Kampus Alor Gajar,
Melaka

Tuan,

**KAJIAN PROGRAM TAKMIR: PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN DI MASJID, DAERAH ALOR GAJAH.**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama ini disertakan 3 [tiga] naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk " Kajian Program Takmir: Pelaksanaan dan Keberkesanan di Masjid, Daerah Alor Gajah" untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

Affendi Ismail
Ketua
Projek Penyelidikan

**PENGAKUAN**

Diperakui karya ini hasil kerja yang telah kami lakukan sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang telah dijelaskan sumbernya.

Ketua Penyelidik
Nama : Affendi bin Ismail

Tanda Tangan : ..................................................

Ahli Kumpulan

Nama : Dr Hj Hasan Bahrom

Tanda Tangan : ..................................................

Nama : Nor Azizah binti Baharom

Tanda Tangan : ..................................................

Nama : Norain binti Ishak

Tanda Tangan : ..................................................

# ABSTRAK

Sejarah telah memperlihatkan bahawa peranan masjid amat besar dalam sistem masyarakat Islam. Rasulullah s.a.w telah menjadikan masjid pusat segala kegiatan umat khususnya dalam aspek pendidikan. Masjid pada zaman Baginda s.a.w telah muncul sebagai pusat pendidikan yang mampu membuat perubahan kepada umat dari aspek pemikiran, sikap, adab dan tingkah laku. Namun kebelakangan ini peranan masjid telah diperkecilkan dan terfokus kepada bidang pendidikan dan perlaksanaan ibadah khusus sahaja. Secara logiknya pengkhususan bidang yang telah diperkecilkan ini tentu akan menghasilkan tahap pengurusan dan keberkesanan yang lebih tinggi pencapaiannya. Persoalannya apakah ini berlaku dalam pengurusan dan kegiatan yang telah dilakukan oleh masjid, sekalipun banyak aktiviti pendidikan dianjurkan?. Misalnya kelas takmir, dimana pembiayaan yang dikeluarkan oleh kerajaan agak besar, apakah hasil yang hendak diperolehi daripada program itu tercapai atau menepati matlamat kegiatan itu dianjurkan. Bagaimana penglibatan generasi muda dalam kegiatan keagamaan di masjid. Apakah ianya menggalakkan atau sebaliknya. Apakah pendekatan yang digunakan oleh guru menarik minat pendengar, dan apakah pihak berkuasa agama melakukan tinjauan terhadap kegiatan tersebut untuk menentukan keberkesanannya. Kajian ini akan melihat secara dekat sejauhmana matlamat aktiviti itu telah dicapai dan apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhinya.